

Bab (28): #Kemarahan Seseorang Ketika Memberi Nasihat Dan Mengajar Apabila Melihat Sesuatu Yang Tidak Disenanginya.³⁰⁵

³⁰⁵ Kesesuaian di antara tajuk bab ke-27 sebelum ini dengan tajuk bab ke-28 ini terletak pada kedua-dua tajuk itu menyatakan sikap dan tindakan pelajar atau penuntut ilmu. Boleh juga dikatakan tajuk bab ke-27 menyatakan salah satu sikap pelajar yang baik, sementara tajuk bab ke-28 ini pula menyatakan sikap pengajar atau guru yang baik. Hubungan antara murid dan guru sangat penting dalam pembelajaran dan pengajaran. Apabila seseorang guru marah kena pada tempatnya, bukanlah itu sesuatu yang tidak baik.

Tajuk bab yang dibuat oleh Imam Bukhari bersama hadits-hadits yang dikemukakan di bawahnya ini menunjukkan keharusan dan keelokan adanya sifat marah pada seorang guru atau pemberi nasihat, jika ia berlaku kena pada tempatnya.

Beliau juga ingin membezakan di antara kemarahan seorang guru, pemberi nasihat dan seorang hakim.

Seseorang yang memberi nasihat mungkin marah apabila melihat apa-apa yang tidak disukainya dilakukan oleh orang yang pernah dinasihatinya, kerana nasihat itu pada kebiasaannya diberikan selepas berlakunya perkara yang tidak disukai atau perkara yang tidak sepatutnya dilakukan atau dilakukan dengan kesilapan dan kecuai.

Begitu juga seorang guru, dia boleh marah apabila pelajarannya tidak serius belajar, tidak bersungguh-sungguh, tidak membuat kerja-kerja sebagaimana diarahkan, selalu lupa atau leka terhadap perkara yang telah diajarkannya.

Seorang hakim pula mestilah bersungguh-sungguh dalam memastikan apa yang benar, berbudi bahasa, sabar, adil, dan tidak terpengaruh dengan pihak-pihak tertentu. Dia tidak boleh marah sembarangan. Kemarahan seorang hakim menurut Imam Ahmad bahkan boleh menyebabkan hukuman yang dijatuhkannya terbatal kerana dia telah terpengaruh dengan sentimen dan emosi, Rasulullah s.a.w. memang telah melarang hakim daripada menghukum dalam keadaan marah. Baginda bersabda:

لَا يَقْضِي الْقَاضِي بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضَبَانُ

Bermaksud: Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman di antara dua orang (yang bertelingkah) dalam keadaan marah. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Ibnu al-Jārud dan lain-lain).

Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang lemah lembut, pemaaf, penyantun, pengasih dan penyayang, sifat-sifat Baginda ini telah disebutkan dengan terang oleh Allah s.w.t. bersama sebabnya di dalam ayat berikut:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

Bermaksud: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka

٩١ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ قَالَ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ عَنْ ابْنِ أَبِي خَالِدٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ أَبِي حَازِمٍ عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ لَا أَكَادُ أَدْرِكُ الصَّلَاةَ مِمَّا يُطَوَّلُ بِهَا فَلَانُ فَمَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَوْعِظَةٍ أَشَدَّ غَضَبًا مِنْ يَوْمِئِذٍ فَقَالَ أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّكُمْ مُنْقَرُونَ فَمَنْ صَلَّى بِالنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ فَإِنَّ فِيهِمُ الْمَرِيضَ وَالضَّعِيفَ وَذَا الْحَاجَةِ.

91 - Muhamamad Bin Katsir³⁰⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya, Sufyan (ats-Tsauri) meriwayatkan kepada kami daripada (Isma'il) Ibn Abi Khalid (al-

(sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.... (Aali 'Imraan:159)

Hadits-hadits juga menyatakan perkara yang sama, lihat bagaimana Rasulullah s.a.w. memaafkan orang-orang kafir Quraisy setelah mena'luk Mekah, bagaimana Baginda tidak memarahi seorang A'rabi yang kencing di dalam masjid, Baginda hanya meminta dituangkan air sahaja pada tempat yang dikencingnya itu, lalu bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُكُمْ مُبَسِّرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ

Bermaksud: Kamu diutuskan untuk memudahkan orang ramai, kamu tidak diutuskan untuk menyusahkan orang ramai. (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Lihat juga peristiwa Rasulullah s.a.w. tidak memarahi sahabat yang telah bercakap-cakap di dalam shalat, sebaliknya Baginda s.a.w. hanya bersabda begini sahaja kepadanya:

إِنَّ صَلَاتَنَا هَذِهِ لَا يَضِلُّ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ إِنَّمَا هِيَ التَّسْبِيحُ وَالتَّكْبِيرُ وَتِلَاوَةُ الْقُرْآنِ

Bermaksud: Sesungguhnya shalat kita ini tidak boleh ada sedikitpun percakapan manusia di dalamnya. Yang ada di dalamnya hanyalah tasbih, takbir dan bacaan al-Qur'an. (Hadits riwayat an-Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, ad-Daarimi, Ibnu Khuzaimah, at-Thabaraani dan lain-lain).

Walaupun begitu, dengan mengadakan tajuk bab ini Imam Bukhari hendak membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak sepanjang masa bersifat lemah lembut, malah pada ketika-ketika tertentu kerana sesuatu sebab, Baginda naik marah sehingga kelihatan merah pada pipi dan mukanya.

³⁰⁶ al-'Abdi al-Bashri. Abu 'Abdillah adalah kunyahnya. Sulaiman bin Katsir adalah abangnya. Dia lima puluh tahun lebih tua daripada Muhammad bin Katsir. Terdapat seorang lagi perawi bernama Muhammad bin Katsir, tetapi dia as-Shan'ani. Riwayatnya hanya terdapat di dalam Sunan an-Nasaa'i, Abu Daud dan at-Tirmidzi, tiada langsung riwayatnya di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Berbeza dengan Muhammad bin Katsir al-'Abdi ini, kerana riwayatnya bukan sahaja terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, di dalam keempat-empat Sunan yang utama juga terdapat riwayatnya. Cuma di dalam Sahih Muslim terdapat satu sahaja haditsnya.

Muhammad bin Katsir meriwayatkan hadits daripada Ibrahim bin Nafi' al-Makki, Isra'il bin Yunus, Sufyan ats-Tsauri, abangnya Sulaiman bin Katsir, Syubah bin al-

Aḥmāsi al-Bajālī) daripada Qais bin Abi Hāzim daripada Abi Mas'ud ('Uqbah bin 'Amar) al-Anshāri (al-Badri), beliau menceritakan: “Ada seorang lelaki³⁰⁷ berkata: “Wahai Rasulullah, saya tidak dapat mengikuti sembahyang kerana si fulan³⁰⁸ memanjangkan bacaannya dalam sembahyang ketika mengimami kami”. (Kata perawi) Saya tidak pernah melihat Rasulullah s.a.w. dalam mana-mana nasihatnya lebih marah daripada hari itu. Baginda s.a.w. bersabda: “Wahai manusia, sesungguhnya kamu meliarkan (orang daripada berjama'ah). Sesiapa yang menjadi imam kepada orang ramai maka hendaklah dia

Ḥajjāj, Isma'il bin 'Ayyāsy dan lain-lain. Imam Bukhari, Abu Daud, ad-Daarimi, 'Abd bin Ḥumaid, 'Ali bin al-Madīni, Abu Haatim ar-Rāzi dan lain-lain pula adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Imam Ahmad, Ibnu Hibbaan, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan beliau tsiqah. Muhammad bin Katsir meninggal dunia pada tahun 223 Hijrah ketika berumur 90 tahun.

³⁰⁷ Sahabat yang mengadu hal kepada Rasulullah s.a.w. ini menurut sesetengah 'ulama' adalah seorang Anshār, namanya Ḥazam bin Ubay bin Ka'ab. Hafizh Ibnu Hajar di bawah Kitab al-Adzān nanti tidak menerima nama tersebut itu. Beliau sebaliknya berkata, “Tidak diketahui siapa namanya.” Di dalam satu riwayat Bukhari yang lain juga daripada Abi Mas'ud tersebut dia (lelaki itu) berkata:

وَاللّٰهُ يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ اِنِّيْ لَأَتَّخِرُ عَنْ صَلَاةِ الْعَدَاةِ مِنْ أَجْلِ فُلَانٍ مِّمَّا يُطِيلُ بَنَاتَا

Bermaksud: “Demi Allah, Wahai Rasulullah! Aku tidak ikut bersembahyang Subuh dengan berjama'ah kerana fulan yang memanjangkan bacaan dalam sembahyang bersama kami.”

Aduan seperti ini dikemukakan kerana kebanyakan orang Anshār bekerja sepanjang hari sebagai peladang atau petani, mereka mengetahui kelebihan sembahyang berjama'ah, tetapi apabila sembahyang berjama'ah mengambil masa terlalu lama, ia telah menjadi satu bebanan kepada mereka.

³⁰⁸ Terdapat dua pendapat tentang siapakah si fulan yang dimaksudkan di sini, kerana melalui beberapa riwayat dima'lumi hanya ada dua orang sahabat sahaja yang selalu membaca surah-surah yang panjang dalam shalat berjama'ah. Pertamanya Mu'aadz, dan keduanya ialah Ubay bin Ka'ab. Boleh jadi kedua-dua mereka dimaksudkan di sini, kerana tidak diperincikan shalat apa yang dimaksudkan oleh sahabat yang mengadu. Jika disebutkan shalat Isya', maka tentu Muaadz yang dimaksudkan, dan jika shalat Subuh, maka tentu Ubay bin Ka'ab, begitulah pendapat para 'ulama' dalam menentukan si fulan yang tersebut di dalam hadits ini.

Berdasarkan hadits ke-702 di dalam Sahih Bukhari dapat dipastikan siapa si fulan yang tersebut di dalam hadits ini. Dia adalah Ubay bin Ka'ab. Kerana di dalamnya tersebut shalat Subuh dengan terang.

meringkaskan sembahyang, kerana di kalangan mereka ada yang sakit, ada yang lemah dan ada yang mempunyai keperluan (lain).”³⁰⁹

٩٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عَمْرِو الْعَقَدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ الْمَدِينِيُّ عَنْ رَبِيعَةَ بْنِ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ يَزِيدَ مَوْلَى الْمُنْبَعِثِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَهُ رَجُلٌ عَنْ اللَّفْظَةِ فَقَالَ اعْرِفْ وَكَأَنَّهَا أَوْ قَالَ وَعَاءُهَا وَعِقَاصُهَا ثُمَّ عَرَفَهَا سَنَةً ثُمَّ اسْتَمْتَعَ بِهَا فَإِنْ جَاءَ رَبُّهَا فَأَدَّهَا إِلَيْهِ قَالَ فَضَالَةٌ الْإِبِلِ فَغَضِبَ حَتَّى احْمَرَّتَ وَجْنَتَاهُ أَوْ قَالَ احْمَرَّ وَجْهُهُ فَقَالَ وَمَا لَكَ وَلَهَا مَعَهَا سِقَاؤُهَا وَجِدَّاءُهَا تَرُدُّ الْمَاءَ وَتَرْعى الشَّجَرَ فَذَرُهَا حَتَّى يَلْقَاهَا رَبُّهَا قَالَ فَضَالَةٌ الْغَنَمِ قَالَ لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلذُّنْبِ.

92 - #`Abdullah bin Muhammad (al-Musnadi al-Ju`fi) meriwayatkan kepada kami, katanya, Abdul Malik bin `Amar al-`Aqadi meriwayatkan kepada kami, katanya, Sulaiman bin Bilal al-Madīni meriwayatkan kepada kami daripada Rabi`ah bin Abi `Abdir Rahman daripada Yazid hamba bebasan al-

³⁰⁹ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

- (1) Marah adalah satu unsur yang perlu ada juga dalam pengajaran dan pendidikan. Marah seorang guru juga kadang-kadang mempunyai kesan yang mendalam, kerana sesetengah pelajar tidak akan serius tanpanya.
- (2) Seorang guru yang bijaksana tidak membuka `aib dan kekurangan muridnya di hadapan orang ramai tetapi menyebutkan tegurannya secara umum sahaja.
- (3) Murid yang telah melakukan kesilapan boleh ditegur oleh gurunya secara bersendirian dan teguran tidak semestinya dinyatakan di hadapan umum.
- (4) Orang-orang Anshār kebanyakannya adalah petani dan peladang.
- (5) Rasulullah s.a.w. tidak memarahi sahabat yang melakukan kesilapan pada perkara yang belum diajarnya, tetapi Baginda akan memarahi mereka sekiranya telah diberitahu hukumnya, hadits ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh imam dalam shalat berjama`ah sudah diajar Baginda.
- (6) Hukum-hakam Islam mengambil kira dan mengutamakan keadaan orang ramai.
- (7) Memanjangkan bacaan surah dalam shalat berjama`ah diharuskan bahkan dianggap elok sekiranya tidak sampai menyusahkan ma'mum.
- (8) Kata an-Nawawi, hadits ini menunjukkan keharusan tidak pergi bersembahyang dengan berjama`ah sekiranya telah diketahui imam shalat selalu memanjangkan shalatnya (dengan membaca surah-surah terlalu panjang dan sebagainya).
- (9) Hadits ini menunjukkan imam kepada orang ramai seeloknya meringkaskan shalat dengan membaca surah-surah yang pendek sahaja, kerana tentu sekali ada ma'mum yang sakit dan yang lemah, tentu sekali juga ma'mum mempunyai kerja-kerja atau hajat-hajat lain yang harus dilakukannya selepas mengerjakan shalat.